



SIARAN MEDIA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008



MERBAU AVENUE BAKAL MENJADI TARIKAN DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 20 Februari 2020 –Menteri Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Tuan Haji Khalid Bin Abdul Samad menyempurnakan pelancaran Merbau Avenue bertempat di Taman Botani Putrajaya.

Turut hadir Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim dan Mufti Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' Seri Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri.

Pembangunan Merbau Avenue merupakan inisiatif berterusan PPj dalam pembangunan lestari, pemuliharaan terhadap alam dan persekitaran supaya dapat dinikmati sehingga generasi akan datang. Di samping itu, pembangunan *avenue* ini dapat memberikan suasana persekitaran yang sejuk dan nyaman serta mengurangkan kesan pemanasan global melalui penyerapan karbon dioksida. Pengenalan Merbau Avenue ini juga merupakan usaha PPj dalam mendapatkan pengiktirafan sebagai Taman Botani Diraja Putrajaya sekaligus sebagai hub institusi penyelidikan dan pendidikan yang penting untuk botani.


Majlis turut menyaksikan acara penanaman sebanyak 220 batang pokok Merbau atau nama saintifiknya *Malacca Teak (Instia palembanica)* di sepanjang laluan 350 meter di Taman Botani Putrajaya.

Pokok Merbau ini boleh tumbuh sehingga mencapai ketinggian sekitar 50 meter (160 kaki). Ia memiliki banyak akar banir pada kaki batang pokoknya yang boleh mencecah hingga 4 meter tinggi. Diameter batang pokok Merbau pula boleh melebihi lebar 1.5meter. Daun pokok merbau berbentuk bujur, tebal, dan berkilat dengan bunga berwarna putih kekuningan. Buah pokok ini berbentuk leper, bujur panjang dan berwarna coklat kehitaman apabila masak. Kayu Merbau pula mengandungi bintik "emas" di sepanjang ira kayu dan membuatkan struktur fizikalnya kelihatan amat menarik, tahan lama dan tahan daripada serangan anai-anai.

Pokok Merbau dipilih kerana ia telah dinobatkan sebagai Pokok Kebangsaan Malaysia oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad ketika merasmikan Pameran 'Hutan Kita' di Menara Kuala Lumpur pada 22 Ogos 2019 lalu. *Malaysian Timber Council* (MTC) juga mengkategorikan kayu Merbau di dalam kelas kayu keras padu (*heavy hardwood*).

Taman Botani Putrajaya dibangunkan pada 1998 dengan pelbagai koleksi tumbuhan sediaada seperti paku pakis, heliconia, kana, tumbuhan pepanjat, palma dan koleksi-koleksi tumbuhan dari Afrika, Amerika Tropika dan Asia Pasifik diperlihatkan. Penghayatan keunikan koleksi flora tersebut dapat dilihat di Taman Papanjat, Laluan Jelajah, Bukit Palma, Taman Suria, Taman Tema Flora, Persisiran Tasik dan Taman Etnobotani.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung Majlis Perasmian Merbau Avenue sila hubungi, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887347/019-3354346 atau En Ahmad Fazila Othman di talian 03-88877325/012-5761490.



(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 19 Februari 2020